

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
(SUHAKAM)

Laporan Lawatan Tempat Tahanan

November 2001

SUHAKAM

LAPORAN LAWATAN

Tempat Tahanan yang dilawati:

Balai Polis Kapar, Kapar, Kelang, Selangor

Ahli Delegasi:

- (1) Tan Sri Dato' Hj. Anuar Dato' Hj. Zainal Abidin
- (2) Puan Mehrun Siraj
- (3) Raja Nor Azwa Raja Alang Petra
- (4) Encik Mohd. Nasir. Ab. Hadi
- (5) Puan Iliana Aziz
- (6) Cik Zeti Mazuwani Abu Bakar

Tarikh & Waktu: 23 Julai 2001, 1.30 petang

Menurut kuasa yang diberikan kepada Suhakam di bawah seksyen 4(1)(d) dan 4(2)(d) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, 1999 ("Akta"), suatu lawatan telah dibuat ke Balai Kapar di Kapar, Kelang. Lawatan ini diadakan sebagai susulan siasatan berkaitan Insiden Lebuhraya Keras ('*Keras Highway Incident*').

Balai Polis Kapar telah dimaklumkan mengenai lawatan SUHAKAM yang akan diadakan pada 23 Julai 2001 berdasarkan surat SUHAKAM kepada Ketua Polis Selangor bertarikh 11 Julai 2001.

Delegasi SUHAKAM disambut oleh Ketua Polis Daerah Kelang, Penolong Pesuruhjaya Polis Karn Kam Peng dan pegawai-pegawai beliau. Suatu taklimat diberi oleh Ketua Inspektor Mohamad bin Kimin, Ketua Balai Polis Kapar, diikuti dengan sesi soal-jawab di antara pihak polis dan ahli delegasi SUHAKAM. Berikutan sesi soal-jawab tersebut, delegasi SUHAKAM seterusnya melawat lokap balai Kapar.

Terdapat dua buah bilik, satu berbentuk sel untuk ditempatkan orang tahanan dan lagi satu dikhaskan untuk pemeriksaan. Bilik air untuk penggunaan orang tahanan terdapat di antara

kedua-dua bilik tersebut. Pintu berpagar mengasingkan kedua-dua bilik dan bilik air tersebut dengan kawasan balai yang lain.

Isu-isu yang perlu diberi perhatian (berasaskan maklumat yang didapati sewaktu lawatan ini) dirumuskan di bawah dan diikuti dengan cadangan-cadangan SUHAKAM bagi setiap isu yang dibangkitkan. Dalam membuat rumusan dan cadangan, undang-undang berkaitan iaitu Kaedah-Kaedah Lokap (L.N. 328/1958) berserta prinsip-prinsip dan peruntukan-peruntukan suratcara-suratcara Bangsa-Bangsa Bersatu¹ diberi pertimbangan.

Ulasan dan Cadangan

1.0 Bidang kuasa

SUHAKAM dimaklumkan bahawa balai Kapar telah diwartakan pada tahun 1975 (Oktober) untuk:

- (a) satu (1) orang tahanan;
- (b) orang tahanan dewasa sahaja; dan
- (c) tahanan orang wanita bagi daerah Kelang.

Namun demikian, berkaitan perkara (a), SUHAKAM juga dimaklumkan bahawa balai Kapar pernah menahan lebih daripada 20 orang tahanan; malah paling ramai yang pernah ditahan pada suatu ketika adalah seramai 26 orang. Menurut pihak polis, balai Kapar telahpun diberi kebenaran oleh Ketua Polis Daerah untuk menahan orang lebih daripada yang dibenarkan di bawah warta.

SUHAKAM berpendapat bahawa sekiranya warta tersebut tidak dipinda atau diperbaharui, ia mungkin menjadi tanda soal samada kesemua penahanan yang telah dan kini dijalankan di balai Kapar adalah di luar bidang kuasa pihak polis.

Berkaitan perkara (b) di atas, SUHAKAM difahamkan bahawa di antara 11 orang wanita yang telah ditangkap sewaktu Insiden Lebuhraya Kesas dan ditahan di balai Kapar terdapat seorang tahanan juvana. Juvana tidak sepatutnya dibenarkan ditahan bersama-sama orang dewasa. Ini

¹ Ini merupakan (1) *Universal Declaration of Human Rights 1948* (2) *Basic Principles for the Treatment of Prisoners (Adopted and proclaimed by General Assembly resolution 45/111 of 14 December 1990)* (3) *Body of Principles for the Protection of All Persons under Any Form of Detention or Imprisonment (Adopted by the General Assembly resolution 43/173 of 9 December 1988)*.

menurut Akta Mahkamah Juvana 1947², seksyen 7 'Pengasingan kanak-kanak dan orang muda dari orang-orang dewasa di balai polis, mahkamah dll.' yang memperuntukkan:

Perkiraan hendaklah dibuat bagi mencegah seorang kanak-kanak atau orang muda semasa ditahan di suatu balai polis, atau semasa dibawa ke atau dari sesuatu mahkamah jenayah, atau semasa menunggu sebelum atau selepas hadir dalam sesuatu mahkamah jenayah, daripada bergaul dengan seseorang dewasa (bukan seorang saudara) yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan, dan bagi memastikan bahawa seorang gadis (yang adalah seorang kanak-kanak atau orang muda) hendaklah semasa ditahan sedemikian, dibawa atau menunggu, berada di bawah jagaan seorang wanita.

Mengikut seksyen 2 Akta Mahkamah Juvana 1947, "kanak-kanak" bermaksud seseorang di bawah umur empat belas tahun manakala "orang muda" ertinya seseorang yang telah mencapai umur empat belas tahun dan di bawah umur lapan belas tahun. Akta ini juga memperuntukkan, "'juvana" ertinya seseorang yang telah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah yang ditetapkan di bawah seksyen 82 Kanun Keseksaan dan di bawah umur lapan belas tahun". (Umur bagi tanggungjawab jenayah menurut seksyen 82 Kanun Keseksaan adalah 10 tahun.)

Dalam kes ini, memandangkan juvana ini telah ditahan bersama dengan ibunya, tiada ulasan negatif dibuat. Namun ia perlu diingatkan bahawa tahanan juvana mesti sentiasa diasingkan daripada tahanan orang dewasa dan sekiranya tempat tahanan diwartakan untuk orang dewasa, tidak sepatutnya juvana ditahan di tempat tahanan tersebut.

SUHAKAM mencadangkan:

Supaya warta bagi balai Kapar dikemaskinikan untuk membenarkan jumlah orang tahanan yang berpatutan memandangkan perubahan masa dan keadaan. Sekiranya terdapat situasi di mana balai masih tidak mampu untuk menampung jumlah tahanan walaupun dengan pewartaan baru, tempat-tempat tahanan lain yang berkemampuan perlu dikenalpasti supaya orang tahanan yang melebihi kapasiti boleh dihantar ke tempat-tempat tahanan tersebut.

² Akta ini tertakluk kepada penguatkuasaan Akta Kanak-Kanak 2001. Akta Kanak-Kanak 2001 telah diluluskan tetapi belum dikuatkuasakan lagi. Dengan penguatkuasaan Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Mahkamah Juvana 1947 adalah dimansuhkan.

SUHAKAM juga mengesyorkan tempat tahanan yang berasingan dibina untuk penahanan juvana wanita.

2.0 Pemeriksaan Orang Tahanan

Berkaitan dakwaan pemeriksaan yang keterlaluan oleh pihak polis di balai Kapar seperti diadakan oleh seorang saksi siasatan Insiden Lebuhraya Kesas, pihak polis menerangkan bahawa pemeriksaan 100% dijalankan ke atas semua orang tahanan. Pemeriksaan dilakukan hanya di antara dua orang sahaja iaitu di antara seorang pegawai polis dan seorang orang tahanan. Orang tahanan tersebut akan diarahkan untuk menanggalkan semua pakaiannya dan juga diarah untuk mencangkung supaya apa-apa benda yang mungkin tersembunyi akan 'jatuh'.

SUHAKAM berpendapat bahawa pemeriksaan seperti ini adalah keterlaluan. Suratcara-suratcara antarabangsa memperuntukkan:

No one shall be subjected to torture or to cruel, inhuman or degrading treatment or punishment. [Article 5 Universal Declaration of Human Rights]

All persons under any form of detention or imprisonment shall be treated in a humane manner and with respect for the inherent dignity of the human person. [Principle 1 – Body of Principles for the Protection of All Persons under Any Form of Detention or Imprisonment]

No person under any form of detention or imprisonment shall be subjected to torture or to cruel, inhuman or degrading treatment or punishment.³ [Principle 6 – Body of Principles for the Protection of All Persons under Any Form of Detention or Imprisonment]

Kaedah-Kaedah Lokap (L.N. 328/1958) juga memperuntukkan:

KAEDAH 7. PAKAIAN DAN HARTA BANDUAN

Tiap-tiap banduan hendaklah diperiksa sebelum masuk, dan semua pakaian dan harta, selain daripada sepasang pakaiannya hendaklah diambil dan direkodkan

³ Diterangkan bahawa: *The term "cruel, inhuman or degrading treatment or punishment" should be interpreted so as to extend the widest possible protection against abuses, whether physical or mental, including the holding of a detained or imprisoned person in conditions which deprive him, temporarily or permanently, of the use of any of his natural senses, such as sight or hearing, or of his awareness of place and the passing of time.*

dalam Buku Resit Harta Banduan dan disimpan dalam jagaan yang selamat. Apa-apa wang atau barang berharga yang dihantar untuk diserahkan kepada seorang banduan hendaklah direkodkan dalam Buku Resit Harta Banduan dan disimpan dalam jagaan selamat. Buku Resit itu hendaklah ditandatangani oleh banduan dan pegawai yang membuat catatan-catatan.

KAEDAH 8. MEMERIKSA BANDUAN-BANDUAN PEREMPUAN

Banduan perempuan hanya boleh diperiksa oleh seorang perempuan.

Daripada peruntukan-peruntukan tersebut, jelas tidak terdapat apa-apa peruntukan spesifik berkaitan cara seseorang tahanan itu patut diperiksa.

SUHAKAM mencadangkan:

Supaya cara pemeriksaan badan yang dijalankan ke atas orang tahanan bergantung kepada kesalahan seseorang tahanan tersebut. Sebagai contoh, sekiranya seseorang itu ditangkap dan ditahan di atas kesalahan berkaitan perhimpunan haram, sepatutnya pemeriksaan badan yang biasa sahaja patut dijalankan.

Penutup & Penghargaan

Suhakam menghargai kerjasama yang diberi oleh Ketua Polis Daerah Kelang, Penolong Pesuruhjaya Polis Karn Kam Peng dan pegawai-pegawai beliau daripada Balai Polis Kapar, Kelang.